

LAPORAN LATIHAN JEMAAH TAHAPAN SISTEM

SISTEM TUNTUTAN INSURAN

SisTI

Oleh

KAMARIAH BINTI LAMIM

WEK 98304

Sesi 2001/2002

Jabatan Kepintaran Buatan

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Kuala Lumpur

## LAPORAN LATIHAN ILMIAH TAHAP AKHIR 2

### SISTEM TUNTUTAN INSURAN

Oleh

KAMARIAH BINTI LAMIM

WEK 98304

Di bawah bimbingan

CIK NORISMA BINTI IDRIS

Laporan Latihan Ilmiah Tahap Akhir 2 ini diserahkan kepada

Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

2002

bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah sarjana muda sains  
komputer (kepintaran buatan ) dengan kepujian

## ABSTRAK

Sistem Tuntutan Insuran (SisTI) adalah satu sistem yang dibangunkan untuk membantu pegawai tuntutan insuran bagi memproses tuntutan permohonan insuran untuk kemalangan individu.

Sistem ini dapat menentukan sama ada suatu permohonan itu diterima atau ditolak disamping ia dapat memberi justifikasinya mengapa keputusan tersebut diperolehi.

Sistem ini menggunakan pendekatan penaakulan berdasarkan kes dalam memproses tuntutan insuran sama ada tuntutan tersebut diterima atau ditolak. Semua kes-kes yang lalu disimpan dalam pangkalan pengetahuan untuk dirujuk dalam membuat penilaian kes yang baru.

Sistem ini menggunakan perisian Visual Prolog 5.2 untuk membangunkan sistem yang sememangnya merupakan alatan yang berkuasa.

## PENGHARGAAN

Alhamdulilah bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana di atas rahmatnya , selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W akhirnya dapat jua saya menyiapkan projek ilmiah tahap akhir 1 sebagaimana yang dikehendaki.

Di sini saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada penyelia saya iaitu Cik Norisma Binti Idris yang banyak membantu dalam menjayakan projek ini begitu memahami keadaan saya . Begitu juga kepada moderator , Dr. Syed Malek Fakar Duani bin Syed Mustafa kerana sudi menilai dan memberi komen terhadap pembangunan projek ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Cik Vivian daripada jabatan claim, syarikat Great Eastern Life Insurance Assurance(Malaysia)Berhad.

Buat teman seperjuangan, Joyce, Nuha , Ana, Linda, Nani, yusri ,nafidz, yunus, terima kasih atas sokongan jasa baik kalian.

Buat ibu dan ayah terima kasih yang tidak terhingga atas doa restu yang diberikan serta sokongan dan juga semangat yang tidak pernah lekang. Buat adik-adik tersayang, semoga tidak jemu dalam perjuangan mencari ilmu .

Akhir sekali, sekalung penghargaan untuk semua pihak secara langsung atau tidak langsung dalam membantu dan menjayakan kerja-kerja yang berkaitan dengan projek ini.

KAMARIAH LAMIM

Jabatan Kepintaran Buatan

Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Januari 2002

ISI KANDUNGAN	MUKASURAT
Abstrak.....	i
Penghargaan.....	ii
Isi Kandungan.....	iv
Senarai Rajah.....	ix

## BAB1: PENGENALAN

1.1 Pengenalan Projek.....	1
1.2 Defini Projek.....	2
1.3 Objektif Projek.....	2
1.4 Skop Projek.....	3
1.5 Sasaran Pengguna.....	4
1.6 Ringkasan Setiap Bab .....	4

## BAB 2: CASED BASED REASONING (CBR)

2.1 Pengenalan.....	7
2.1.1 Ciri-ciri Asas Model Penaakulan CBR.....	8
2.2 Apa Itu Kes?.....	9
2.3 Kitaran CBR.....	12
2.4 Aplikasi CBR.....	15
2.4.1 CBR Untuk Tugas-tugas Analitik.....	15
2.4.1.1 Klasifikasi.....	16
2.4.1.2 Diagnosis.....	18

---

2.4.1.3 Sokongan Keputusan.....	18
2.4.2 CBR Untuk Tugas-tugas Sintetik.....	18
2.4.2.1 Perancangan.....	19
2.4.2.2 Rekabentuk.....	19
2.5 Alatan ( <i>tool</i> ) CBR.....	20
2.5.1 ReMind.....	21
2.5.2 ReCall.....	22
2.5.3 KATE-CBR.....	22
2.5.4 CBRExpress.....	23
2.6 Kebaikan Dan Keburukan CBR.....	23
2.6.1 Kebaikan CBR.....	23
2.6.2 Keburukan CBR.....	24
2.7 Analisa Jurnal Kepintaran Buatan.....	25
2.7.1 Pembaikan Kesalahan Dan Perolehan Pengetahuan Melalui CBR.....	25
2.7.1.1 Pembaikan Kesilapan Melalui CBR.....	27
2.7.1.2 Perolehan Maklumat.....	30
2.8 Kajian Sistem CBR Yang Sedia Ada.....	31
2.8.1 PROTOS.....	31
 BAB 3 INSURAN	
3.1 Latarbelakang Sejarah Dan Perkembangan insurans.....	34
3.2 Perkembangan Insurans di Malaysia.....	35
3.2.1 Persatuan Insuran Nyawa di Malaysia .....	37

---

3.3 Seminar Insurans Untuk Wartawan.....	38
3.3.1 Tuntutan Insuran Bagi Kemalangan Persendirian.. ..	38
3.3.2 Masalah Berkaitan Dengan Insuran Nyawa.....	41
3.4 Skim Insurans Kemalangan Persendirian Oleh MPC.....	43
3.5 Kajian Sistem Insuran Yang Sedia Ada.....	44
3.5.1 Pengesan Penipuan Elektronik.....	44
3.6 Kajian Internet Mengenai Kemalangan Individu.....	46

#### BAB 4: CBR DALAM SISTEM TUNTUTAN INSURAN

4.1 Mengapa Pendekatan CBR Sesuai Untuk Projek Ini.....	49
4.2 Isu Utama Dalam Membangunkan CBR.....	49
4.3 Mengapa Metod Lain Tidak Digunakan.....	50
4.3.1 Perbandingan di antara CBR dan RBR.....	50
4.3.2 Perbandingan di antara CBR dan MBR .....	52
4.3.3 Kes Untuk CBR.....	54
4.4 Penjadualan Kerja.....	56
4.5 Metodologi Pembangunan Sistem.....	58
4.5.1 Fasa 1: Kajian Awal.....	59
4.5.2 Fasa 2: Analisa Sistem.....	60
4.5.2.1 Analisa Keperluan Sistem.....	60
4.5.2.2 Analisa Keperluan Perisian.....	62
4.5.2.3 Analisis Keperluan Perkakasan.....	65
4.5.2.4 Analisis Rekabentuk Antaramuka.....	65
4.5.2.5 Analis Keupayaan Sistem.....	66

---

4.5.3 Fasa 3: Rekabentuk.....	67
4.5.4 Fasa 4: Implementasi .....	67
4.5.5 Fasa 5: pengujian dan penyelenggaraan.....	68

## BAB 5 REKABENTUK SISTEM

5.1 Pengenalan.....	69
5.2 Senibina Sistem.....	69
5.3 Carta Hirarki SisTI.....	71
5.4 Rekabentuk antaramuka.....	72
5.4.1 Antaramuka Menu Utama.....	72
5.4.2 Antaramuka Maklumat.....	73
5.4.3 Antaramuka Maklumat Pemohon.....	73
5.4.4 Antaramuka Maklumat Kemosykilan.....	75
5.4.5 Antaramuka Penilaian.....	77
5.5 Rekabentuk Pangkalan Pengetahuan.....	77
5.6 Penilaian Tuntutan.....	79

## BAB 6 PERLAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN SISTEM

6.1 Pengenalan.....	80
6.2 Model prototaip.....	80
6.3 Pengkodan Sistem.....	81
6.3.1 Modul Menu Utama.....	84

6.3.2 Modul Maklumat.....	85
6.3.3 Modul Maklumat Kemosyikilan.....	86
6.3.4 Modul Maklumat Pemohon.....	89
6.3.1 Modul Penilaian.....	96
<b>BAB 7 PENGUJIAN SISTEM</b>	
7.1 Pengenalan.....	99
7.2 Pengujian Unit.....	99
7.3 Pengujian Modul dan Integrasi.....	99
7.4 Pengujian Sistem.....	100
7.5 Pengujian Terhadap Fungsi.....	101
<b>BAB 8 PERBINCANGAN</b>	
8.1 Pengenalan.....	102
8.2 Penyelesaian dan Masalah.....	102
8.3 Kekuatan Sistem.....	104
8.5 Kekangan Sistem.....	105
8.6 Perancangan Masa Hadapan.....	105
8.7 Kesimpulan.....	105

**SENARAI RAJAH****MUKASURAT**

Rajah 2.1 Kitar yang menyokong proses CBR	15
Rajah 2.2 Struktur tugas-tugas analitik	16
Rajah 2.2.1 Pengetahuan am dalam sistem berdasarkan kes	17
Rajah 2.3 Struktur tugas-tugas sintetik	19
Rajah 2.4 Senibina dan fungsi sistem PAIRS	24
Rajah 4.1 Model airterjun dan prototaip	59
Rajah 5.1 Senibina sistem SisTI	70
Rajah 5.2 Antaramuka Menu Utama	72
Rajah 5.3 Antaramuka Maklumat	73
Rajah 5.4 Antaramuka Maklumat Pemohon	75
Rajah 5.5 Antaramuka Maklumat Kemasukan	76
Rajah 5.6 Antaramuka Penilaian	77
Rajah 6.1 Model Prototaip	80

## BAB 1 PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan Projek

Bidang kepintaran buatan merupakan bidang sains komputer yang memburu finan selain menjadikan sebuah komputer mampu dalam perlakuan yang sama seperti manusia [1]. Walaupun bidang ini telah lama berusia di negara Britain sejak tahun 1955 lagi hingga lah menjadi satu bidang yang masih popular, tetapi bidang ini masih kurang terkenal. Terkecuali berhubung bidang pengetahuan teknologi Malaysia. Terdapat banyak cabang dalam kepintaran buatan termasuk dalam pembelajaran buatan, neural buatan, pengprosesan bahasa manusia, case based reasoning dan lain-lain lagi. Oleh itu

berikut usaha dari kumpulan telah dijalankan bagi memperkenalkan dan mempopularkan bidang ini setanding dengan bidang perkembangan yang lain. Begitu juga dengan projek ini yang tak terkecuali untuk memperkenalkan kepintaran buatan di mana projek ini menggunkan pendekatan CBR dalam membangunkan projek. Dengan ini dibersihkan agar projek ini dijalankan dengan memberi faedah kepada penatalajaran dalam kepintaran buatan semoga dan CBR Malaysia.

Usaha dilaksanakan projek ini satu bidang yang semakin pesat berkembang di Malaysia iaitu bagi tujuan ini iaitu bidang insurasi. Projek ini akan cuba untuk mengaplikasikan pemikiran berdasarkan kes (case based reasoning atau CBR) didalam bidang insurian ini di mana secara tidak langsung memperkenalkan faedah kepada industri insurian.

## BAB 1

# PENGENALAN

## BAB 1 PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan Projek

Bidang kepintaran buatan merupakan bidang sains komputer yang memburu tujuan dalam menjadikan sebuah komputer menaakul dalam perlakuan yang sama seperti manusia. [1]. Walaupun bidang ini telah lama bertapak di negara barat sejak tahun 1955 lagi hinggalah menjadi satu bidang yang amat popular , tetapi bidang ini masih kurang menonjol berbanding bidang pengkomputeran lain di Malaysia.Terdapat banyak cabang dalam kepintaran buatan dan di antaranya ialah sistem pakar, rangkaian neural buatan, pemprosesan bahasa tabii, *case based reasoning (CBR)* dan lain-lain lagi.Oleh itu banyak usaha dan kajian telah dijalankan bagi memperkenalkan dan mempopulkarkan bidang ini setanding dengan bidang perkomputeran yang lain. Begitu juga dengan projek ini yang tak terkecuali untuk memperkenalkan kepintaran buatan di mana projek ini menggunakan pendekatan CBR dalam membangunkan projek Dengan ini diharapkan agar projek ini dijalankan dapat memberi faedah kepada pembelajaran bidang kepintaran buatan amnya dan CBR khususnya.

Untuk melaksanakan projek ini satu bidang yang semakin pesat berkembang di Malaysia dipilih bagi tujuan ini iaitu bidang insuran. Projek ini akan cuba untuk mengaplikasikan penaakulan berdasarkan kes (*case based reasoning* atau CBR ) didalam bidang insuran ini di mana secara tidak langsung memberikan faedah kepada industri insuran.

• Melong pegawai tuntutan insuran dalam mewujud permohonan yang

### 1.1 Defini Masalah

Projek ini cuba untuk menyiasat isu-isu asas penyelesaian masalah dalam permohonan tuntutan insuran nyawa. Ia merangkumi permasalahan yang dihadapi pegawai tuntutan terutamanya pegawai tuntutan insuran yang baru dalam menilai permohonan borang tuntutan. Oleh itu sistem ini dibina bagi membantu pegawai tuntutan insuran dalam membuat keputusan dan menjadi tempat rujukan apabila manusia pakar yang ada telah bersara atau berhenti dari bidang insuran.

Selain daripada itu juga, seringkali apabila seorang pegawai tuntutan memproses suatu borang permohonan, ia memerlukan masa yang lama untuk membuat suatu keputusan bagi suatu borang permohonan. Oleh itu sistem ini diharapkan dapat menjimatkan masa pemprosesan dan secara tidak langsung kualiti kerja dan produktiviti dapat ditingkatkan.

Segala perlakuan dan tindak-tanduk manusia juga dipengaruhi oleh emosi .Oleh itu sistem ini diharap dapat membantu pegawai tuntutan insuran mengelakkan berlakunya *bias* atau berat sebelah dalam memproses keputusan.

### 1.2 Objektif

Berikut merupakan objektif-objektif yang perlu ada dalam system ini:

- Projek ini cuba untuk mengaplikasikan kepintaran ada pada pakar dalam membuat sesuatu keputusan bagi permohonan tuntutan insuran dan seterusnya menjadi sistem yang pintar dalam melaksanakan tugasnya.

- Menolong pegawai tuntutan insuran dalam menilai permohonan yang dikemukakan oleh orang yang membuat tuntutan sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan suatu tuntutan insuran.
- Menolong pegawai tuntutan tidak kira sama ada pegawai baru terutamanya dan pegawai yang berpengalaman untuk membuat keputusan
- Mengelakkan berlakunya *bias* atau berat sebelah dalam memproses borang permohonan kerana seringkali tindakan manusia dipengaruhi oleh emosi.
- Kos efektif dalam penyelesaian masalah dan seterusnya meminimakan kesilapan
- Menggunakan pendekatan CBR untuk menyelesaikan permohonan tuntutan insuran.

### 1.3 Skop projek

Oleh kerana terdapat pelbagai jenis insurans yang ada, maka projek ini memilih salah satu cabang insuran nyawa iaitu kemalangan persendirian bagi mengecilkan skop untuk permohonan tuntutan insuran. Ia merupakan wakil bagi jenis-jenis insuran yang lain dalam menentukan kejayaan sistem permohonan tuntutan ini. Oleh itu satu syarikat insurans nyawa di Malaysia dipilih sebagai rujukan bagi mencari kepakaran yang ada pada seorang pegawai tuntutan iaitu syarikat **Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad** dan syarikat AIA insurance

Selain daripada itu juga, pendekatan *Case Based Reasoning* (CBR) digunakan dalam menjadikan sistem ini suatu sistem yang pintar untuk membantu pegawai insuran

membuat keputusan. Dalam konteks ini kes-kes lama dalam permohonan tuntutan insuran menjadi rujukan bagi menilai permohonan yang baru dan menentukan sama ada permohonan tersebut ditolak atau diterima.

#### **1.4 Sasaran pengguna**

Sistem ini dibina untuk pegawai permohonan tuntutan dalam menilai borang permohonan tuntutan insuran. Pegawai insuran akan mengisi borang -borang yang diperlukan untuk memohon tuntutan insuran ke dalam sistem contohnya borang data pemohon, borang laporan polis kematian, borang pengesahan doctor, dan sebagainya ke dalam sistem dan output bagi sistem ini adalah sama ada permohonan diterima atau ditolak..

#### **1.5 Ringkasan setiap bab**

##### **Bab 1:Pengenalan**

Bab ini menerangkan tentang projek ini dibangunkan secara ringkas.Ia merangkumi pengenalan dan definisi masalah, objektif,,skop dan sasaran pengguna system.

##### **Bab 2 : Kajian literasi : Case Based Reasoning**

Bab kedua ini membincangkan mengenai teori CBR dan aplikasinya. Selain daripada itu juga kajian mengenai 2 contoh aplikasi sistem CBR juga diterangkan

### Bab 3: Kajian literasi: Insuran

Bab ini menerangkan serba sedikit mengenai konsep insurans yang memfokuskan kepada insuran nyawa di Malaysia dan yang berkaitan dengan permohonan tuntutan. Satu contoh sistem yang berkaitan dengan pengesan penyamaran insuran juga dibincangkan di mana ia menggunakan pendekatan integrasi sistem berdasarkan pengetahuan dan penilaian maklumat statistikal.

### Bab 4: CBR dalam sistem tuntutan insuran

Bab ini menerangkan tentang mengapa CBR dipilih dalam membina sistem tuntutan insuran yang pintar. Ia merangkumi isu-isu asas pembangunan CBR dan perbandingan dengan metod yang lain. Selain daripada itu juga bahasa pengaturcaraan yang dipilih juga dibincangkan dari segi ciri-ciri yang ditawarkan oleh bahasa pengaturcaraan tersebut dalam menyokong sistem ini. Carta Gantt pula digunakan bagi mengambarkan jadual pembangunan sistem.

### Bab 5: Rekabentuk Sistem

Bab ini menerangkan tentang keseluruhan sistem yang dibangunkan dan jangkaan pencapaian sistem. Senibina sistem, rekabentuk program dan rekabentuk antaramuka diuraikan disini.

## **Bab 6: Pelaksanaan/Pembangunan Sistem**

Bab ini menerangkan proses-proses pengaturcaraan yang telah dilakukan bagi melengkapkan sistem ini.

## **Bab 7: Pengujian Sistem**

Bab ini menerangkan tentang proses-proses ujian yang dijalankan sama ada sistem berfungsi mengikut keperluan dan spesifikasi yang telah ditentukan.

## **Bab 8: Perbincangan**

Berdasarkan sistem yang diuji, bab ini menilai pretasi keseluruhan sistem untuk memastikan objektif dan skop projek tercapai. Huraian mengenai masalah-masalah yang dihadapi juga akan dibincangkan.

## 2. CASE BASED REASONING

### 2.1 Pengenalan

Sekarang ini lagi penggunaan CBR dalam bidang akademik maupun komersial telah menjadi semakin meluas dan possibel. Rasa yang menyukai CBR kerana mereka lebih suka kepada contoh-contoh daripada kesimpulan yang dipisahkan daripada konteksnya. Dalam sistem CBR ini suatu kesukanan banting di dalam pustak sumber kase yang dapat kes menghadapi kes masalah.

## BAB 2

# CASE BASED REASONING

proses penyelesaian yang digunakan oleh pakar tidak diketahui tetapi secara pede penyelesaiannya yang implicit (secara tersirat).

Dalam era kes yang laut untuk mencari suatu masalah yang wajad, meskipun terdapat alasan dipamerkan dengan kes yang terdapat pada pangkalan kes dan sebaliknya kes yang sama dengan persamaan akan diperolehkan kembali. Kes yang diperoleh kembali ini akan digunakan untuk mendengarkan satu penyelesaian yang akan digunakan semula dan diuji dalam menentukan kejayaannya. Jika perlu penyelesaian tersebut akan disemak semula. Oleh itu kes yang lepas akan membuat perbaikan adaptasi atau penyesuaian supaya dapat memenuhi kehendak kes yang baru menggunakan kes yang lepas untuk mewujudkan suatu yang baru dan mengelakkan penyelesaiannya yang baru. Kelebihannya masihlah tersebut dan penyelesaian ini akan sedaya akan disimpan sebagai sebahagian daripada kes yang bentuk.

## 2. CASED BASED REASONING

### 2.1 Pengenalan

Sejak tahun 90-an lagi penggunaan CBR dalam bidang akademik maupun komersial telah menjadi semakin meluas dan popular. Ramai yang menyukai CBR kerana mereka lebih suka kepada contoh-contoh daripada kesimpulan yang dipisahkan daripada konteksnya[1]. Di dalam sistem CBR ini suatu kepakaran terkandung di dalam pusat sumber kes yang lepas. Setiap kes mengandungi deskripsi masalah, ditambah dengan satu penyelesaian dan/atau kesudahannya. Segala pengetahuan dan proses penaakulan yang digunakan oleh pakar tidak direkodkan tetapi terletak pada penyelesaiannya yang implicit (secara tersembunyi).

Dalam erti kata yang lain untuk menyelesaikan suatu masalah yang wujud, masalah tersebut akan dipadankan dengan kes yang terdapat pada pangkalan kes dan seterusnya kes yang mempunyai persamaan akan di perolehkan kembali. Kes yang diperolehi kembali itu akan digunakan untuk mencadangkan satu penyelesaian yang akan digunakan semula dan diuji dalam menentukan kejayaannya. Jika perlu, penyelesaian tersebut akan disemak semula. Oleh itu kes yang lepas akan melalui proses adaptasi atau penyesuaian supaya dapat memenuhi kehendak *kes* yang baru, menggunakan *kes* yang lepas untuk menerangkan situasi yang baru dan mengkritik penyelesaiannya yang baru. Kesudahannya masalah tersebut dan penyelesaian muktamadnya akan disimpan sebagai sebahagian daripada *kes* yang baru.

### 2.1.1 Ciri-ciri asas yang terkandung dalam model penaakulan CBR[2]

- Rujukan bagi *kes* yang lepas menjadi satu kebaikan dari segi menangani situasi masalah yang sering berulang. Ini adalah kerana rujukan kepada situasi lepas yang agak *similar* diperlukan dalam berdepan dengan situasi baru yang kompleks. Dalam hal ini metrik persamaan (*similarity metrics*) digunakan bagi mengukur sejauh mana persamaan di antara masalah terkini dan dengan masalah yang lepas. Oleh itu mengingati *kes* untuk digunakan dalam penyelesaian masalah yang akan datang merupakan satu kemestian dalam proses pembelajaran .
- Sebelum proses penaakulan bermula, pemahaman serta interpretasi masalah dengan lebih mendalam diperlukan bagi menampung deskripsi-deskripsi masalah yang selalunya tidak lengkap. Oleh itu penaakul berdasarkan kes tidak dapat mengingati semula suatu *kes* yang relevan tanpa dia memahami suatu situasi yang baru. Namun begitu apabila proses penyelesaian masalah mula dilaksanakan, seorang penaakul akan dapat memahami situasi dengan lebih mendalam. Hasilnya lebih banyak *kes-kes* yang relevan dapat diingat berbanding dengan yang dapat dilakukan sebelumnya. Ini menunjukkan pemahaman dan interpretasi suatu masalah merupakan bahagian penting dalam kitaran penaakulan sama ada sebelum penyelesaian masalah atau semasa penyelesaian masalah.
- Adaptasi penting bagi situasi yang lepas dalam menyesuaikan diri dengan situasi yang baru. Ini penting kerana tiada *kes* yang lepas betul-betul sama dengan yang baru. Dengan adanya modul adaptasi , penyelesaian dapat

dihasilkan bagi masalah terkini sama ada dengan mengubah penyelesaian (adaptasi berstruktur) atau memberi mencipta satu penyelesaian baru dengan menggunakan proses yang sama dengan kes lepas yang lebih kurang sama

- Pembelajaran (*learning*) merupakan salah satu ciri penting bagi CBR. Tahap disebalik yang memandu metod kes-based datang daripada komuniti pembelajaran mesin dan CBR juga dianggap sebagai sublapangan kepada pembelajaran mesin. Oleh itu notasi CBR bukan sahaja menandakan sesuatu metod penaakulan (*reasoning*) tetapi juga menandakan satu paradigma pembelajaran mesin yang membolehkan penahanan pembelajaran dengan mengemaskinikan pangkalan *kes* selepas satu masalah diselesaikan. Pembelajaran wujud sebagai satu produk yang natural dalam penyelesaian masalah. Oleh itu, pengalaman disimpan dan ditahan (*retained*) supaya dapat digunakan bagi menyelesaikan masalah yang sama pada masa yang akan datang. Apabila cubaan untuk menyelesaikan masalah gagal, sebab-sebab kegagalan itu dikenalpasti dan di ingat bagi mengelakkan kesilapan yang sama di masa akan datang. [ 3 ]

## 2.2 Apa itu KES?

- Sesuatu *kes* mewakili pengetahuan yang spesifik yang terikat pada suatu konteks[ 2 ]. Ia merekodkan pengetahuan di tahap operasian. Di tahap ini sama ada bagaimana sesuatu tugas atau task dijalankan, bagaimana suatu pengetahuan diaplikasikan atau strategi apakah yang digunakan untuk mencapai sesuatu goal dilakukan secara explicit (secara terangan).

Berlainan dengan kaedah perwakilan pengetahuan dalam kepintaran buatan yang lain dimana ia memfokuskan pengetahuan secara am (*general knowledge*) yang mungkin. Tidak dinafikan dengan cara ini pengetahuan tersebut dapat digunakan secara meluas dan yang paling penting ia dapat mengurangkan saiz storan. Begitu juga dalam berdepan dengan masalah *uncertainty* di mana penaakulan yang dibuat perlu butiran lanjut.

Walaubagaimana pun isu yang ditekankan di sini adalah dari segi *operationalization*. Walaupun pengetahuan secara am menyediakan satu rangka kerja atau *framework* dalam penaakulan namun untuk menggunakan sesetengah pengetahuan am untuk suatu situasi yang terperinci agak payah jika dilaksanakan secara rambang. Lebih merumitkan lagi apabila perwakilan pengetahuan secara am tidak memberitahu bagaimana untuk menaakul situasi yang berlainan dari kebiasaan. Ini ditambah pula jika pengetahuan yang sedia ada tidak lengkap.

Berlainan pula dengan *kes* di mana ia dapat berdepan dengan situasi masalah pengetahuan yang tidak lengkap dan seterusnya membolehkan penaakulan secara specifik.

- *Kes* didatangkan dalam pelbagai bentuk dan saiz dan mencakupi sebahagian masa yang besar atau kecil yang mengaitkan penyelesaian dengan masalah , kesudahan dengan situasi atau kedua-duanya sekali. Contohnya dalam mereka bangunan atau mewakili episod penyelesaian masalah.Namun

begitu persamaan di antara mereka adalah mereka mewakili situasi yang lepas . Situasi tersebut apabila diingati kembali membentuk satu konteks di mana pengetahuan yang terkandung dalam *kes* dianggap boleh digunakan. Apabila suatu situasi yang agak sama muncul, justeru itu keputusan dan pengetahuan yang membentuk situasi yang terdahulu menjadi satu titik untuk mentafsirkan situasi baru atau menyelesaikan masalah yang mempengaruhinya.

- Suatu *kes* merekodkan pengalaman lalu berbeza dengan apa yang difikirkan dan dijangkakan. Namun begitu tidak semua perbezaan penting untuk direkodkan. Ini dilihat dari sudut sama ada ia memberi pengajaran yang berguna ataupun tidak Walaubagaimana pun timbul persoalan bagaimana hendak menentukan dan mengenalpasti pengalaman berbeza tersebut sesuai dipilih untuk dijadikan sebagai kes yang berlainan dan perlu diingati. Satu cara untuk mengenalpasti yang mana penting dan yang mana tidak adalah dengan mencari adakah perbezaan pengalaman-pengalaman tersebut membentuk kepada suatu perbezaan.
- Suatu *kes* boleh mengajar bagaimana untuk mencapai *goal*, bagaimana untuk mencapai pelbagai *goal* dengan lebih mudah atau memberi amaran tentang masalah yang mungkin timbul dalam mencapai *goal*. Suatu kes mempunyai pengajaran yang penting apabila penaakul mempunyai cara baru untuk mencapai *goal*, jika ia mempunyai usaha dalam menyesuaikan cara lama untuk mencapai *goal*, jika suatu kegagalan dapat dikesan, jika sesuatu kesan

situasi menyebabkan goal yang baru timbul atau jika jika tidak dapat mencapai satu daripada *goal*.

- Kandungan kes terbahagi kepada dua iaitu pengajaran yang diajarnya dan konteks di mana ia mengajar pengajarannya. Kandungan yang dua dipanggil *indexes*. Ia berfungsi untuk memberitahu keadaan yang sesuai dalam memperolehi semula kes.

Oleh itu kes boleh dikatakan sebagai satu pengetahuan *contextualized* yang mewakilkan satu pengalaman yang mengajar satu pengajaran asas untuk mencapai goal penaakul[2]

### 2.3 Kitaran CBR

Empat kitaran utama bagi CBR ialah *retrieve*, *reuse*, *revise* dan *retain*

- *retrieve*: proses memperoleh kembali *kes* (atau *kes*) yang bermula dengan deskripsi masalah dan berakhir apabila pemadanan *kes* yang terbaik dijumpai. Subkerja-subkerja yang terlibat ialah; (1)mengenalpasti satu set penerangan masalah yang relevan (2)pemadanan *kes* dan mengembalikan satu set *kes-kes* yang lebih kurang sama dan (3)memilih *kes* yang terbaik daripada *kes-kes* yang dikembalikan.
- *reuse* : penggunaan semula *kes* yang diperoleh kembali dan cuba untuk menyelesaikan *kes* yang diperoleh kembali dengan masalah yang

dibandingkan. Dengan erti kata lain proses adaptasi dilaksanakan di sini dalam konteks mengenalpasti perbezaan di antara *kes* yang diperolehi kembali dan *kes* terkini dan mengenalpasti sebahagian daripada *kes* yang diperolehi kembali yang akan ditukarkan menjadi *kes* yang baru. Selalunya penyelesaian bagi *kes* yang diperolehi kembali akan ditukar kepada *kes* yang baru secara terus sebagai penyelesaian *kes baru*. Namun begitu muncul beberapa permasalahan utama di peringkat ini iaitu untuk mengetahui sama ada terdapat satu set strategi adaptasi yang am yang boleh digunakan untuk apa-apa domain dan seterusnya memberikan panduan untuk mendefinisikan strategi adaptasi yang khusus. Method untuk menilai bahagian mana pada satu penyelesaian *kes* yang lepas perlu diadaptasikan dengan *kes* baru juga sama penting pada tahap ini.

- revise: tahap ini merupakan tahap untuk mengkaji semula penyelesaian *kes* yang dijanakan oleh proses *reuse* apabila penyelesaian tersebut dibuktikan salah. Proses penilaian dilaksanakan bagi memastikan penyelesaian yang lemah tidak berulang kembali. Disini proses justifikasi dan kritikan mengambil peranan yang penting dalam memastikan ianya tercapai di mana satu penyelesaian atau pun interpretasi akan dijustifikasikan sebelum ianya digunakan di dunia luar. Proses kritikan pula mungkin memerlukan pengembalian semula *kes-kes tambahan* dan hasilnya mungkin memerlukan adaptasi tambahan. Di tahap ini juga penyelesaian yang dicadangkan akan dibandingkan dengan penyelesaian lain yang agak sama. Oleh itu panggilan rekursif diperlukan bagi

memanggil proses memori supaya dapat mengembalikan semula kes yang mempunyai penyelesaian yang agak sama. Ditahap ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada sistem untuk belajar daripada kegagalan.

- *retain* : tahap dimana penyelesaian akhir /muktamad menjadi sebahagian daripada *kes* baru dalam case *library*.Proses ini melibatkan bagaimana untuk menentukan maklumat apa yang hendak dikekalkan; dalam bentuk apa ianya ingin dikekalkan ; bagaimana hendak mengindexkan *kes* untuk perolehan kembali yang akan datang dan mengintegrasikan *kes* baru ke dalam *case library* atau pangkalan *kes* .


Rajah 2.1 menunjukkan kilar yang membantu proses CBR [4]

## 2.4 Aplikasi CBR

Sejak kehadirannya oleh Swarayan , CBR banyak digunakan dalam tugas analitik (*analytic task*) dan menganalisis sesuatu yang telah wujud dan tugas sintetik (*synthetic task*) di mana ia melibatkan penciptaan sesuatu yang belum wujud. Tugas ini merangkumi pelbagai bidang aplikasi didalam domain yang luas contohnya dalam aplikasi perniagaan.

### 2.4.1 CBR untuk tugas-tugas analitik

Kebanyakan masalah-masalah daripada aplikasi perniagaan tergolong dalam kategori ini dimana ia digunakan untuk masalah yang memerlukan penganalisan sebelum



rajah 2.1 menunjukkan kitar yang menyokong proses CBR [4 ]

## 2.4 Aplikasi CBR

Sejak kehadirannya pada awal 90an , CBR banyak digunakan dalam tugas analitik (*analytic task*) iaitu menganalisa sesuatu yang telah wujud dan tugas sintetik (*synthetic task*) di mana ia melibatkan penciptaan sesuatu yang belum wujud. Tugas –tugas ini merangkumi pelbagai bidang aplikasi didalam domain yang luas contohnya dalam aplikasi perniagaan.


### 2.4.1 CBR untuk tugas-tugas analitik

Kebanyakan masalah-masalah daripada aplikasi perniagaan tergolong dalam kategori ini dimana ia digunakan untuk masalah yang memerlukan penganalisaan sesuatu

## Pendekatan penyelesaian data

keadaan dan cuba memetakan situasi ini kepada klasifikasi, diagnosis atau satu prareka cadangan untuk penyelesaian.

Kelas bagi masalah ini termasuklah semua tugas yang berkaitan dengan klasifikasi dan identifikasi objek, pengawasan (*monitoring*), diagnosis teknikal dan perubatan, terapi pemilihan dan pemberian, , analisis data dan ramalan, memberi nasihat, sokongan perkhidmatan, pengembalian semula maklumat dan sebagainya. Berdasarkan kepada kekompleksitian kelas tersebut, tugas analitik ini dibahagikan kepada tiga kumpulan masalah.



Rajah 2.2 Struktur tugas-tugas analitik [5]


### 2.4.1.1 Klasifikasi

Proses klasifikasi yang paling asas adalah memetakan objek atau situasi kepada suatu set kelas yang ada. Untuk itu semua maklumat perlu ada apabila proses penyelesaian masalah bermula (rujuk rajah 2.2.1)

Pendekatan pangkalan data

CBR

pembelajaran mesin



Rajah 2.2.1 Pengetahuan am dalam sistem berdasarkan kes [5]

Contoh tugas-tugas analitik termasuklah penilaian risiko untuk kad kredit atau pinjaman ataupun analisa data pemasaran atau data pelanggan. Walaupun CBR bersaing dengan pendekatan lain untuk tugas klasifikasi asas, namun CBR lebih fleksibel kerana ia membahagikan kecekapannya kepada kedua-dua *kes-kes* dan ukuran persamaan (*similarity measure*).[6]

Pemilihan ukuran persamaan ini sama ada mudah atau *well-informed* adalah bergantung kepada keperluan spesifik suatu aplikasi, dimana lebih sesuai atau lebih baik suatu ukuran persamaan dipilih bagi suatu tugas maka lebih sedikit kes mesti disimpan.

#### 2.4.1.2 Diagnosis

Dalam proses diagnosis ini, proses yang dijalankan adalah dalam memilih ujian yang terbaik bagi memperolehi maklumat yang tiada dengan semurah, sepanas dan seselamat yang mungkin disamping tugas klasifikasi. Ini adalah kerana lebih banyak maklumat yang harus diperolehi dalam mengendalikan masalah maklumat yang tidak lengkap sebelum tugas klasifikasi dijalankan. Contoh diagnosis kerosakan perkakasan teknikal adalah seperti kereta, robot, dan enjin kapal terbang.


#### 2.4.1.3 Sokongan Keputusan

Proses sokongan keputusan memerlukan pengetahuan am yang lebih banyak dan membenarkan interaksi di antara pengguna dan komputer untuk darjah yang tinggi. Proses sokongan keputusan ini juga harus mengendalikan masalah dimana goal klasifikasi telah didefinisikan atau *define* semasa proses menyelesaikan masalah. Contoh bagi tugas ini adalah memilih rumah yang sesuai untuk di beli, pemilihan pelaburan kewangan atau lawatan pada minit terakhir tanpa mengetahui lokasi mana yang ingin dilawati.

#### 2.4.2 CBR untuk tugas-tugas sintetik

Tugas-tugas sintetik ini adalah berkaitan dengan keperluan untuk membina penyelesaian daripada bahagian-bahagian kes yang kebanyakannya berpandukan kepada set peraturan pembinaan bagi domain yang spesifik.

Tugas-tugas sintetik ini terbahagi kepada tiga:



Rajah 2.3 struktur tugas-tugas sintetik.[7 ]

#### 2.4.2.1 Perancangan

Bagi tugas ini, penyelesaian masalah adalah berhubung dengankekangan masa yang diberikan dimana masa merupakan atribut pradominan didalam perwakilan kes dan dalam menentukan kesesuaian dan pengadaptasian suatu penyelesaian. Contoh aplikasi perancangan ini adalah pengangkutan logistik atau tugasan mengilang mesin.

#### 2.4.2.2 Rekabentuk

Masalah rekabentuk mengandungi sekurang-kurangnya subsebahagian di mana tiada prosedur konfigurasi yang secara terus dapat membina penyelesaian daripada bahagian prabinaan. Oleh itu kebanyakan masalah rekabentuk adalah masalah *open world*. Di sini keperluan fungsian dan geometrikal adalah predominan dalam perwakilan kes. Oleh itu spesifikasi masalah hanya boleh di tukar untuk cadangan penyelesaian kerana biasanya disebabkan oleh kekurangan pengetahuan am. Contoh rekabentuk CBR adalah sistem sokongan untuk pembinaan industri bangunan, pembinaan peranti mekanikal yang tidak rumit.

## 2.5 TOOL CBR

Antara berikut merupakan tool yang ada bagi *CBR* yang membolehkan aplikasi *CBR* dibangunkan dengan cepat dimana ia sepatutnya menyokong empat proses *CBR* yang utama iaitu *retrieval, reuse, revision and retention*. Suatu alatan yang baik sepatutnya menyokong pelbagai variasi mekanisma perolehan semula dan membenarkan mereka dikombinasikan apabila diperlukan. Selain daripada itu juga alatan tersebut sepatutnya dapat mengawal *case libraries* yang besar dengan masa perolehan kembali meningkat secara linear (paling teruk) dengan sejumlah kes.

Kajian yang seterusnya akan membincangkan empat di antara *CBR shell* yang ada iaitu ReMind daripada Cognitive Systems Inc , ReCall daripada ISoft dan KATE-CBR daripada AcknoSoft .

- AcknoSoft KATE-CBR
- Astea International Kes-1
- Atlantis SpotLight
- Brightware, Inc. ART\*-Enterprise
- CECASE Mem-1
- Cognitive Systems, Inc. ReMind
- Esteem Software, Inc. ESTEEM
- The Haley Enterprise Eclipse
- Inductive Solutions, Inc CasePower (formally Induce-It)
- Inference Corporation CBR Content Navigator (family of products)
- ISoft ReCall ALICE

- Simon Fraser University Case Advisor Webserver Case Advisor 2.1
- Software Artistry •Expert Advisor
- TecInno GmbH CBR-Works (formally S3-Case)
- TreeTools Helpdesk-3
- CBR Express

### 2.5.1 ReMind

ReMind adalah daripada Cognitive System Inc.Ia dibangunkan dengan sokongan daripada DARPA.Produk ini menawarkan satu persekitaran yang yang interaktif dalam perolehan kes, domain pertumbuhan kata(*vocabulary*), dan *prototype*.[] Bagi pengindexan pula ia dilakukan secara induktif dengan membina satu pokok keputusan dan membenarkan pengguna untuk menyunting secara grafik mengikut kepentingan *attribute*.

Bagi proses perolehan kembali pula , terdapat beberapa metod perolehan kembali yang disokong oleh ReMind iaitu

- (1) pemadanan perolehan kembali prototype yang paling spesifik dalam satu hierarki prototype.
- (2) Perolehan kembali jiran yang paling dekat.
- (3) Templat perolehan kembali seperti SQL.

Strategi adaptasi kes pula bergantung kepada formula yang mengubah dan menyesuaikan nilai berdasarkan perbezaan diantara kes yang diperoleh kembali dan kes yang baru. Disamping itu ReMind juga mempunyai kebolehan dalam

mewakilkan perhubungan sebab akibat(causal relationship) dengan menggunakan model kualitatif.

Merupakan produk daripada Inference Corporation. Antaramuka yang ada pada shell ini membolehkan pembangun sistem sama ada berpengalaman atau yang baru

### **2.5.2 ReCall**

ReCall merupakan CBR shell daripada ISoft sebuah syarikat kepintaran buatan daripada Paris. Aplikasinya merangkumi sistem helpdesk, diagnos kesalahan (*fault diagnosis*), analisis peminjaman bank, kawalan dan pengawasan. Konsep perolehan kembali yang diamalkan adalah kombinasi bagi metod (1) dan (2) yang digunakan dalam ReMind. Walau bagaimanapun bagi proses adaptasi, ia menawarkan mekanisma adaptasi yang standard seperti analogi dan undian, dan satu pangkalan metod adaptasi.

### **2.5.3 KATE-CBR**

KATE-CBR merupakan shell daripada Acknosoft yang juga merupakan sebahagian daripada KesCraft Toolbox. Alat (*tool*) KATE-CBR yang dinamakan CaseWork mengintegrasikan pendekatan CBR berdasarkan contoh (*instance*) didalam satu tool untuk pembelajaran induktif dan penyelesaian masalah dari pokok. Kedua-dua metod sama ada induktif atau berdasarkan kes boleh digunakan secara berasingan atau diintegrasikan menjadi satu kombinasi metod. Bagi menjanakan dialog pengguna dan pembinaan sebahagian struktur index/kes secara graphik kemudahan penyunting disediakan. Alatan ini telah mengabungkan keputusan pertama bagi integrasi diantara metod induktif dan berdasarkan kes daripada projek INRECA[ ].

#### **2.5.4 CBRExpress**

Merupakan produk daripada Inference Corporation. Antaramuka yang ada pada shell ini membolehkan pembangun system sama ada berpengalaman atau yang baru dalam bidang pengaturcaraan membangunkan system berdasarkan kes dengan cepat. Ini dilakukan dengan menguruskan semua elemen pengaturcaraan ciptaan kes dan suntingan. Salah satu ciri penting shell ini adalah kebolehannya untuk mengawal teks bentuk bebas (*freeform text*). Ia menjadi sangat penting terutamanya bagi situasi yang memerlukan penerangan dan deskripsi masalah. Selain daripada itu juga ia mengabaikan perkataan seperti dan, atau ,saya, disana dan lain-lain. Secara tidak langsung membuatkannya dapat mengawal kesalahan ejaan dan kesalahan penaipan .

### **2.6 Kebaikan dan keburukan CBR**

#### **2.6.1 Kebaikan CBR**

- Membolehkan penakul untuk mengemukakan penyelesaian dengan lebih cepat dan dapat mengelakkan masa yang diperlukan untuk mencari penyelesaian daripada pada awal.
- Membolehkan penakul untuk mencadangkan penyelesaian dalam domain yang tak begitu difahami oleh penakul. Ini adalah kerana *CBR* membolehkan kita untuk membuat andaian dan jangkaan berdasarkan apa yang berlaku pada masa lalu tanpa pemahaman yang mendalam
- Membolehkan penakul untuk menilai penyelesaian apabila tiada metod algorhythma yang sesuai untuk membuat sesuatu penilaian. Ini dilakukan dengan merujuk kepada kes-kes yang ada dengan merujuk kepada kes-kes terdahulu yang mempunyai persamaan situasi dengan penyelesaian.

Cara ini merupakan cara yang berkesan apabila banyak perkara yang tidak diketahui menjadikan sebarang cara penilaian lain susah atau tak boleh dijadikan metod penilaian.

- Berdasarkan kes-kes, pengalaman lalu dapat diingat dimana ia yang penting dalam memberi amaran atau peringatan terhadap masalah yang wujud untuk kes terdahulu. Dengan ini secara tidak langsung memberi impak kepada penakul supaya sentiasa berjaga-jaga untuk mengambil tindakan bagi mengelakkan daripada membuat kesilapan yang sama
- Kes-kes dapat membantu penakul untuk memfokuskan penakulannya kepada bahagian bahagian yang penting dalam sesuatu masalah iaitu menekankan ciri-ciri masalah yang penting. Merujuk kepada ciri-ciri penting situasi terdahulu, ia juga akan menjadi ciri-ciri yang penting untuk situasi yang baru. Oleh itu jika implikasi bagi ciri-ciri terdahulu adalah kegagalan untuk mencari penyelesaian maka penakul akan memfokuskan ciri-ciri tersebut supaya kegagalan tersebut tidak akan berulang kembali. Begitu juga sebaliknya, jika implikasi ciri-ciri terdahulu adalah kejayaan maka penakul juga akan memfokuskan kepada ciri-ciri tersebut.

## 2.6.2 Keburukan CBR [ 2 ]

- Seorang penakul berdasarkan kes mungkin cuba untuk menggunakan kes yang lama secara membata tuli dengan bergantung kepada pengalaman lepas tanpa mengesahkannya kepada situasi yang baru. Impak dari situasi tersebut menyebabkan wujudnya penyelesaian dan penilaian yang tidak efisien dan

tidak betul . Pengembalian semula kes yang tidak sesuai boleh menyebabkan masa penyelesaian masalah yang berharga terbuang.

- Seorang penaakul berdasarkan kes mungkin membiarkan kes bias terhadapnya secara melampau dalam menyelesaikan suatu masalah baru.
- Selalunya mereka yang melakukan penaakulan tidak dingatkan untuk menggunakan suatu set kes-kes yang sesuai [2].

## 2.7 Analisa jurnal Kepintaran Buatan

Bahagian seterusnya akan membincangkan mengenai *research paper* yang berkaitan dengan *CBR* yang terdapat dalam jurnal Kepintaran Buatan jilid 91 .


### 2.7.1 Pembaikan kesalahan (*error repair*) dan perolehan pengetahuan melalui *CBR*. [10]

Hasil research paper ini adalah daripada kajian bersama Takeshi Kohno, Susumu Hamada, Dai Araki, Shoichi Kojima dan Toshiko Tanaki daripada Pusat Kajian dan Pembangunan , Perbadanan Toshiba, Jepun.

Secara amnya research paper ini membincangkan tentang pengabungan penaakulan berdasarkan peraturan (*rule based reasoning* atau *RBR*) , penaakulan berdasarkan kes (*Case based reasoning* atau *CBR*) dan teknologi perolehan pengetahuan di dalam sistem bagi menyelesaikan masalah corak gelintaran (*pattern search*). Penggabungan ini adalah disebabkan untuk menangani masalah perolehan pengetahuan *bottleneck* di dalam *RBR*. Gabungan senibina ini telah berjaya di aplikasikan kepada sepasang

keadaan pengekstrakan masalah bagi sistem aturan analog litar LSI yang dipanggil sistem *PAIRS*.

Subsistem gelintaran corak (*RBR*) apabila menerima struktur masalah akan mencari corak tertentu di dalam struktur rangkaian seperti diagram litar LSI yang mana ia mengandungi banyak corak dan variasi. *RBR* kemudiannya menjalankan tindakan tertentu seperti mendiagnosis kerosakan di corak yang ditemui. Output tersebut akan dihantar ke subsistem pembaikan kesalahan (*CBR*). Apabila subsistem pembalikan kesalahan mencari persamaan bahagian dengan kes yang terdapat dalam pangkalan kes, ia akan di hantar kepada *site expert* sebagai calon kesilapan dimana *site expert judges* akan menentukan sama ada calon kesilapan tersebut benar-benar merupakan kesilapan atau tidak. Jika ya, satu mesej pembetulan akan di hantar ke subsistem gelintaran corak dan kes yang telah dibaiki disimpan didalam pangkalan kes. Jika sebaliknya, tiada mesej yang di hantar tetapi kes disimpan sebagai kesilapan yang salah. Selepas tugas pembaiakan selesai untuk setiap kes dalam pangkalan kes, *site expert* akan cuba untuk mengesan bahagian lain yang perlu dibaiki. Apabila ia dijumpai, *site expert* menghantar mesej pembetulan kepada subsistem gelintaran corak dan akan di simpan di dalam kes base. Subsistem akan mencari kesilapan yang lebih kurang sama di pangkalan kes seperti yang telah diterangkan. Proses ini akan berulang sehingga *site expert* selesai menjalankan tugasnya.



Rajah 2.4 senibina dan fungsi sistem

### 2.7.1.1 Pemberian kesilapan melalui *CBR*

Rajah 2.5 menunjukkan struktur fungsi subsistem pemberian kesilapan dimana sebelah kiri mewakili fasa pendaftaran *kes* dan sebelah kanan mewakili fasa penyelesaian masalah.

1. pendaftaran *kes* – keputusan pemberian kesilapan yang diperolehi dari *site experts* merupakan kunci kepada gelintaran dalam mencari *kes* yang mempunyai kesilapan yang agak serupa. Dalam pemisahan blok PAIRS, ia merupakan litar blok yang diekstrak daripada keseluruhan litar dengan mengalihkan bekalan kuasa dan *ground lines*. Ini penting kerana jika ia

dikendalikan dengan menggunakan keseluruhan litar, masalah tidak efficien akan timbul.

Bagi meningkatkan gelintaran secara efficien dan effektif, struktur pengurangan dan attribut pengabstrakan dijalankan. Dalam hal ini, pengurangan untuk PAIRS adalah untuk menjumlahkan 2 rintangan yang bersambung secara serial kepada satu dan untuk pengabstrakan menggantikan nama rintangan yang spesifik dengan nama kelas transistor yang tertentu.

Bahagian yang spesifik iaitu litar asas yang dipanggil "spesific pattern" dalam blok yang terpisah digunakan sebagai index untuk mengembalikan semula *kes* yang lebih kurang sama.

Penyelesaian masalah pula sama ada mereka atau membuang pasangan keadaan didalam blok. Setiap item yang disusun dalam perwakilan *kes* akan disimpan didalam pangkalan *kes*. Oleh kerana *kes-kes* ini dicipta berdasarkan keputusan *site expert*, ia didaftar sebagai *parent case* yang positif

2. pengekstrakan masalah – Dalam penghuraian masalah, struktur masalah terkini dibahagikan kepada submasalah menggunakan "pengetahuan untuk dibahagikan" yang mana ia dikongsi bersama dengan bahagian pendaftaran *kes*.

Sama seperti di dalam fasa pendaftaran *kes*, masalah pengurangan dan masalah pengabstrakan dilaksanakan menggunakan struktur pengurangan dan attribut pengabstrakan di mana attribut pengabstrakan bermaksud menggantikan attribut dengan lebih banyak atribut pengabstrakan

2. pengembalian semula *kes* yang agak serupa – Satu metod kelompok yang sistematis yang dipanggil “*kes family*” digunakan untuk *kes-kes* yang mempunyai kesilapan yang mempunyai corak yang hampir serupa. *Kes-kes* kesilapan ini merupakan keputusan sistem pakar dan telah ditemui oleh *site expert* ataupun kesilapan yang dicadangkan oleh CBR dan disetujui oleh *site expert* yang dipanggil “*case positif*”. Berlainan pula bagi kesilapan yang disyaki oleh CBR tetapi ditolak oleh *site expert* ini dipanggil “*case negatif*”. Kesilapan yang ditemui oleh *site expert* secara takbersandaran (*independently*) dipanggil “*parent cases*” manakala *kes* yang lebih kurang sama terhasil daripada *parent cases* dipanggil “*child case*”. Setiap *parent case* dan anak-anaknya tergolong dalam satu *case family* yang mana setiap *parent case* adalah positif manakala anak-anaknya pula sama adalah negatif atau positif. Dengan ini setiap *family* mempunyai jenis kesilapan yang sama. Ini penting bagi membantu unit perolehan maklumat.

Dalam proses perolehan kembali *kes* yang hampir serupa, subsistem CBR dibekalkan pengetahuan yang membolehkan variasi yang mungkin daripada perspektif struktur persamaan kurang mendalam dimana corak yang hampir

sama dijanakan secara automatik dan bahagian yang berpadanan dengan corak yang hampir serupa digelintar didalam struktur masalah.Tindakan yang wajar akan dilakukan bersama corak yang digelintar dan *site expert* akan menentukan sama ada ia mempunyai kesilapan atau tidak.

3. Pembentukan penyelesaian – Apabila corak yang agak serupa dengan corak spesific dalam parent case ditemui dalam masalah terkini, penyelesaian daripada masalah terkini akan dibentuk daripada parent case. Keadaan ini adalah dimana tindakan, jenis kesilapan, dan parent kes yang positif/negatif ia disesuaikan dengan masalah terkini untuk membentuk calon penyelesaian.Jika calon tersebut berbeza dengan keputusan sistem pakar,ia menjadi penyelesaian baru kepada masalah terkini.
4. pengubahsuaian penyelesaian – ini penting dalam memastikan sama ada calon penyelesaian betul atau salah.Jika diterima atau betul, penyelesaian tersebut menjadi kes positif dan mesej tambah dihantar kesistem pakar RBR.Jika ditolak penyelesaian menjadi case negatif dan tiada mesej yang dihantar kerana sistem RBR menilai dengan betul.

### **2.7.1.2 perolehan maklumat**

Terdapat 3 jenis maklumat yang terkandung dalam pangkalan pengetahuan iaitu pengetahuan gelintaran corak, pengetahuan pemisahan dan pengetahuan pengurangan. Fokus adalah kepada pengetahuan gelintaran corak kerana jika ada apa-apa kesilapan yang berlaku di dalam pengetahuan pemisahan dan pengurangan,

senior experts mudah untuk mengesan kesilapan tersebut. Dalam pengetahuan gelintaran corak , yang mengandungi pengetahuan asas litar, pelbagai variasi yang dibolehkan, tugas tindakan adalah merupakan saat genting bagi sistem pakar.

## 2.7 Kajian sistem CBR yang sedia ada

### 2.7.1 PROTOS [2] [11]

Protos mengimplementasikan kedua-dua klasifikasi berdasarkan kes dan perolehan pengetahuan berdasarkan kes. Protos bekerja dalam domain audiology atau pendengaran. Tugas penaakulan yang dilakukan adalah klasifikasi heuristik. Di berikan deskripsi tentang simptom penyakit dan keputusan ujian seorang penyakit, protos menentukan klasifikasi penyakit pendengaran (hearing disorder) bagi pesakit tersebut. Protos dibantu oleh pakar audiologist yang menyediakan sistem dengan maklumat yang diperlukan untuk membetulkan kegagalan masalah iaitu apabila protos tersalah mengklasifikasikan jenis penyakit pendengaran .

Bagi perwakilan kes,Protos menggunakan model exemplar dan kategori di mana setiap kes disusun dalam memori kes Dalam hal ini kes juga digelar exemplar. Memori kes tertanam dalam struktur rangkaian yang mengandungi kategori-kategori dan penunjuk indeks (index pointer) di mana setiap kes dihubungkan dengan satu kategori.Satu indeks pula mungkin akan menunjuk ke satu kes atau kategori di mana terdapat 3 kategori indeks

Protos cuba untuk mengembalikan semula kes berdasarkan ciri (features) yang mempunyai persamaan semantik yang mendalam yang mana pendekatan orientasi

semantik yang dipanggil juga pengetahuan intensif boleh digunakan untuk makna kontekstual bagi deskripsi masalah dalam pemadanannya dimana dalam domain protos terdapat domain pengetahuan am .Untuk mengenalpasti features jika satu input feature tidak dikenali sistem, pengguna akan ditanya untuk memberikan penerangan yang mengaitkan feature dengan rangkaian semantik yang wujud(struktur kategori).Bagi mencari mencari padanan kes yang bagus protos menggabungkan 2 cara berikut iaitu dengan mengikut penunjuk indeks secara terus daripada masalah features dan dengan gelintaran dalam model domain pengetahuan am.

Proses pemadanan yang dilakukan oleh protos dipanggil sebagai “knowledge-based pattern matching” atau pemadanan corak berdasarkan pengetahuan..Mencari satu kes didalam pangkalan kes yang berpadanan dengan deskripsi input dilakukan dengan menggabungkan input features masalah kes kedalam satu penunjuk kepada kes atau kategori yang berkongsi banyak features. Jika *reminding* (pautan features menunjuk daripada deskripsi masalah ke kategori) menunjuk secara terus kepada kategori kes , pautan kepada kes yang paling *prototypical* akan dilalui dan kes-kes ini dipulangkan. Dengan gelintaran domain pengetahuan am satu kes baru disimpan dengan mencari pemadanan kes dan mendapatkan index feature yang sesuai.Jika kes dijumpai dengan hanya perbezaan kecil kepada input kes, kes baru tidak akan disimpan (retained) atau dua kes mungkin digabungkan (merged) melalui pautan taxonomic dalam rangkaian semantik.

Selain daripada itu cara lain yang digunakan untuk memadankan kes adalah ketika fasa pembelajaran, dimana setiap feature dalam kes yang disimpan mempunyai darjah kepentingan untuk penyelesaian bagi sesuatu kes.

## Bab 3 INSURANS

### 3.1 Pendahuluan Sejarah dan Perkembangan Perniagaan Insurans [1]

